

**Zahid Minta Umno Perak Bantu Menteri Besar Kekalkan Kuasa Kerajaan Negeri  
Bernama  
21 Februari , 2012**

KUALA KANGSAR, 21 Feb (Bernama) -- Anggota Umno seluruh negeri Perak diminta membantu Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir mengekalkan kuasa kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata kemenangan BN amat penting kepada masa depan rakyat pelbagai kaum di negeri ini, terutama orang Melayu.

Beliau berkata tanggungjawab mempertahankan kuasa BN di Perak bukan hanya terletak di bahu Menteri Besar malah semua anggota Umno yang mendokong perjuangan parti itu.

Selain Ahmad Zahid, Menteri Kewangan Dua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nazri Aziz turut bertanggungjawab membantu serta memastikan lebih dua pertiga kerusi BN dimenangi pada PRU-13.

"Selain Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yasin, menteri lain dan pemimpin Umno pelbagai peringkat, kami turut membantu memperkukuhkan sokongan terhadap BN dan memantau perkembangan politik semasa di negeri ini atas rasa tanggungjawab bersama," katanya ketika berucap di majlis perasmin Kursus Transformasi Minda Pemuda Umno Bahagian Bagan Datoh di Ulu Kenas dekat sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=646826>